

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
KAWASAN : GOMBAK
TARIKH : 23.3.2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 28

YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan terhadap kebajikan tenaga kerja dan vendor tempatan dalam industri automotif berikutan penjualan 51% ekuiti PROTON.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON ialah syarikat swasta yang dimiliki penuh oleh Kumpulan DRB-HICOM sejak 2012. Kumpulan DRB-HICOM sebagai syarikat swasta bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan ke atas keputusan perniagaan mana-mana syarikat swasta termasuk pemilikan ekuiti antara PROTON dan rakan kongsi strategiknya.

Sebarang keputusan yang diambil oleh DRB-HICOM adalah merupakan pertimbangan dan keputusan perniagaan yang telahpun mengambil kira kedudukan daya saing PROTON pada masa sekarang dan masa hadapan termasuklah kebajikan warga kerja, elemen teknologi serta

R&D, penguasaan pasaran, vendor tempatan dan lain-lain elemen ekosistem industri automotif.

Buat masa ini, proses penilaian oleh pihak PROTON dan DRB-HICOM ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik berada pada fasa yang terakhir dan hanya dapat dimuktamadkan dalam separuh pertama tahun 2017. Oleh yang demikian, sebarang bentuk perkongsian strategik termasuk pemilikan ekuiti antara PROTON dan rakan kongsi strategiknya masih lagi sedang dibincangkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON kerana ia mempunyai impak yang besar kepada negara memandangkan ekosistem PROTON yang melibatkan 10,000 orang pekerja PROTON dan 50,000 pekerja lain yang terlibat dalam "*supply chain*" PROTON.

Oleh yang demikian, sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara termasuk nasib pekerja PROTON dan vendor.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 29

Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina stesen penguatkuasa JPJ di Jalan Bintulu - Bakun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kementerian Pengangkutan masih tiada perancangan untuk membina stesen-stesen berkenaan dan kementerian pengangkutan bersedia mempertimbangkan pembinaan ini sekiranya terdapat keperluan pada masa kelak.